

MSM SASAR BERKEMBANG SEBAGAI PENGELUAR GULA BERTAPIS GLOBAL, PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN TANDA PENCAPAIAN POSITIF UNTUK TAHUN INI

KUALA LUMPUR, JUN 17, 2021 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis nasional jenama “Gula Prai” kekal optimis dengan sasaran pencapaian syarikat susulan kemajuan yang progresif, didokong oleh pelaksanaan strategik rangka kerja tiga-tahun (BP21) dalam memperkasakan prestasi kewangan dan operasi Kumpulan. Dipacu oleh margin yang kukuh, peningkatan operasi, penstrukturan semula strategi jualan dan kos kewangan yang rendah, MSM telah mempamerkan penambahbaikan yang signifikan dengan jumlah kerugian yang lebih rendah pada tahun kewangan 2020 (TK2020), disusuli dengan prestasi yang menguntungkan secara berterusan sejak S4 2020 hingga S1 2021.

Secara keseluruhan, MSM merekodkan 76% jumlah kerugian bersih (LAT) yang lebih rendah sebanyak RM 71.23 juta bagi TK2020 berbanding RM 299.77 juta pada TK2019. Setelah berhadapan dengan kerugian selama lapan suku berturut, MSM telah mencatatkan keuntungan bersih (PAT) sebanyak RM 56.24 juta pada S4 2020 berbanding LAT sebanyak RM 40.28 juta pada S4 2019. Perkembangan positif ini terus membawa MSM kepada momentum pendapatan yang lebih mampan pada S1 2021 dengan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM 43.07 juta berbanding Kerugian Sebelum Cukai (LBT) sebanyak RM 27.25 juta pada S1 2020. Di samping itu, MSM turut mencatatkan PAT sebanyak RM 31.19 juta pada S1 2021, peningkatan sebanyak 190% berbanding LAT sebanyak RM 34.70 juta pada S1 2020.

“Pencapaian pemulihan ini mencerminkan kecekalan syarikat selama beberapa tahun ini dalam mengemudi perniagaan mengharungi lanskap pasaran dan industri yang tidak menentu. Perjalanan strategik ini melibatkan penamatan operasi tidak strategik, rasionalisasi kapasiti dan operasi serta kemajuan pembangunan produk dan penembusan pasaran baharu. Secara berterusan, MSM sedang memanfaatkan penggunaan aset secara optimum dan kedudukan yang kompetitif yang akan menghasilkan keuntungan mampan pada masa akan datang ke arah berkembang sebagai salah satu daripada 10 pengeluar gula bertaraf global,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-10 yang diadakan secara maya pada hari ini dengan dihadiri lebih 700 orang pemegang saham secara dalam talian.

Bagi segmen operasi, lebih kapasiti di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) akan digunakan sepenuhnya secara optimum bagi memenuhi pasaran eksport dan domestik. Dengan penambahbaikan kapasiti bagi pengeluaran produk-produk bernilai tambah termasuk gula cair, pra-campuran dan gula sirap, MSM Johor telah meluaskan lagi jejak pasaran eksport syarikat dengan perancangan untuk berkembang ke pasaran-pasaran serantau yang berpotensi termasuk China, Indonesia, Vietnam dan New Zealand. Selain itu, penutupan sementara operasi di MSM Johor pada April-May lepas berikutan penambahbaikan dandang yang telah dirancang sebelum ini telah selesai dan MSM Johor kini berada pada landasan untuk mencapai sasaran pengeluaran lebih daripada 50% penggunaan kapasiti (UF) pada S3 ke atas tahun ini

Susulan daripada pemberhentian sementara operasi di MSM Prai Berhad (MSM Prai) disebabkan beberapa kes Covid-19, kilang tersebut telah kembali beroperasi pada 15 Jun 2021. Proses nyahjangkitan secara menyeluruh telah dijalankan di samping pemerkasaan SOP seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa kesihatan. Berdasarkan penilaian awal, impak daripada penutupan sementara terhadap hasil dan pendapatan syarikat adalah kurang daripada 5% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Walaubagaimanapun, MSM Prai dijangka akan memperoleh semula momentum pengeluaran secepat mungkin untuk mencapai sasaran UF sebanyak 80% atau lebih pada tahun ini selaras dengan kebolehpayaan operasi yang kukuh di kilang tersebut.

“Di sebalik kekangan yang dihadapi, prestasi syarikat berada pada landasan yang tepat dalam mencapai pemulihan sejajar sasaran pertumbuhan jangka masa panjang. Dalam segmen domestik, MSM akan memperkukuhkan kepimpinan pasaran dengan mengimbangi strategi jualan dan rangkaian bekalan. MSM turut memperoleh kontrak bekalan jualan bersama peneraju-peneraju industri FMCG utama tempatan dan mensasarkan untuk memperkasakan lagi hubungan tersebut bagi memenuhi permintaan seterusnya di rantau Asia. Akan tetapi, kami akan terus kekal berwaspada disusuli pengurusan risiko yang lebih mantap dan perancangan awal berdasarkan situasi pasaran semasa dan cabaran tidak diduga di peringkat global dan tempatan yang boleh menjejaskan prestasi Kumpulan,” tambah Syed Faizal.

Baru-baru ini, MSM telah memeterai Perjanjian Jualan Saham (SSA) bersama FGV Integrated Farming Holdings Berhad (FGVIF) bagi pelupusan MSM Perlis Sdn Bhd dengan nilai sebanyak RM 175 juta, sejajar dengan usaha berterusan Kumpulan dalam melupuskan aset-aset bukan

teras bagi mengurangkan jumlah gearan dan meningkatkan aliran tunai untuk pertumbuhan. SSA tersebut dijangka akan menyumbang kepada pendapatan sebanyak RM 91.6 juta. Tambahan pula, penamatan operasi di MSM Perlis telah memberi laluan kepada MSM untuk menyatukan kapasiti pengeluaran di MSM Johor bagi mempertingkatkan kecekapan operasi. Setakat S1 2021, MSM Johor telah merekodkan kemajuan yang progresif dengan peningkatan dalam hasil daripada 89% kepada 92%, serta penambahbaikan UF daripada 16% kepada 22% berbanding suku yang sama tahun lepas.

Melangkah ke hadapan, MSM akan terus berdaya tahan di samping merealisasikan potensi dengan lebih pantas ke arah pelaksanaan usaha-usaha pemulihan dalam memastikan pulangan yang konsisten serta nilai pemegang saham yang lebih baik sebagai pengeluar gula bertapis premium negara.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com